

Talian Maklumat @

Diselaraskan oleh Mazmin Mat Akhir mazmin@unimap.edu.my & Md Nizam Azid nizam@unimap.edu.my

FEDERATED SEARCH ENGINES



Perpustakaan Universiti Malaysia Perlis telah menggunakan sistem **WebFeat** untuk menawarkan kemudahan **Federated Search Engines** kepada para komuniti UniMAP. **WebFeat** dijenamakan sebagai perkhidmatan **Find it** yang menggambarkan fungsi sebagai alat atau sumber pencarian maklumat. Perolehan sistem ini membolehkan pengguna membuat pencarian menggunakan satu antara muka merentasi semua pangkalan data langganan perpustakaan. Ini meliputi sumber pilihan web seperti **Directory of Open Access Journals**, **EEVL**, **Google Scholar**, **Google Books** dan katalog atas talian perpustakaan **WebOPAC**.



Menggunakan Enjin Pencari WebFeat

Pautan kepada **WebFeat** disediakan melalui laman web perpustakaan di <http://mylib.unimap.edu.my> atau di laman WebOPAC Chameleon iPortal.

Kelebihan Menggunakan WebFeat atau Find it

Apakah kelebihan menggunakan **WebFeat** dalam proses pencarian maklumat?

- ▶ Anda tidak perlu memasuki (**login**) ke setiap pangkalan data untuk memulakan pencarian mengenai topik penyelidikan.
- ▶ Kaedah pencarian menawarkan pilihan kaedah kata punca (**keywords**), judul, pengarang dan abstrak. Malahan, anda boleh menggabungkan kata punca pencarian menggunakan operator **Boolean AND, OR** dan **NOT**.

- ▶ Anda boleh mengarahkan **WebFeat** membuat pencarian menggunakan pilihan pangkalan data yang diperlukan atau merentasi semua pangkalan data dan sumber web yang disenaraikan.
- ▶ Paparan hasil pencarian disenaraikan mengikut sumber pangkalan data atau melalui pilihan opsyen **relevancy ranked**.
- ▶ Anda boleh memilih hasil carian yang disenaraikan untuk merujuk maklumat bibliografik (pengarang, judul artikel, sumber, tahun penerbitan dan abstrak) dan kemudiannya dihubungkan melalui kandungan dokumen teks penuh.
- ▶ Anda boleh memilih hasil carian dan menyimpan butiran bibliografik menggunakan perisian **EndNote**.


Maklumat Lanjut Mengenai Kemudahan WebFeat

Sila hubungi **Pustakawan Runding Maklumat** di talian **04-9798601** atau e-mel kepada rujukan@unimap.edu.my.

A-Z LISTING

A-Z Listing merupakan perkhidmatan terkini yang ditawarkan oleh Perpustakaan dalam usaha meningkatkan capaian kepada maklumat elektronik di UniMAP. Ia menyenaraikan semua jurnal dan buku elektronik yang dilanggan oleh Perpustakaan UniMAP dan menghubungkannya kepada artikel serta dokumen teks penuh untuk rujukan pengguna. Mengapa anda mestilah memanfaatkan **A-Z Listing**?

A-Z Listing amat penting kepada para akademik dan penyelidik yang ingin mengesan judul jurnal dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan perundingan. Ia menyediakan kemudahan pencarian maklumat menggunakan judul, bidang perkara dan kata punca (**keywords**). Apabila menggunakan **A-Z Listing**, para pengguna tidak perlu lagi membuat pencarian di dalam pangkalan data langganan Perpustakaan. Sistem ini membantu mempermudah senarai




Perpustakaan UniMAP

jurnal dan buku elektronik dalam bidang pengajaran serta penyelidikan dan menghubungkannya secara langsung kepada jurnal teks penuh berkenaan.

Knovel Kini Live

Selepas sesi uji cuba akses dan latihan penggunaan, kini **Knovel** merupakan pangkalan data terkini langganan Perpustakaan UniMAP. Ia menawarkan akses kepada hampir 908 judul buku saintifik dalam bidang elektrik, kejuruteraan kuasa, elektronik, semikonduktor, kejuruteraan alam sekitar, kejuruteraan bahan dan banyak lagi!



E-mail Xpress

E-mel kini menjadi sebahagian daripada kemudahan penting para pelajar dan staf UniMAP. Maklumat ilmiah dan pentadbiran kini dihebahkan melalui e-mel untuk capaian segera bagi warga UniMAP. Selaras dengan itu, Perpustakaan menyediakan dua (2) unit komputer untuk kemudahan akses kepada peti e-mel anda.

Lebih Banyak Buku Elektronik Melalui CRC ENGnetBASE

Langganan kepada **CRC ENGnetBASE** memungkinkan akses kepada lebih banyak buku elektronik dalam bidang kejuruteraan awam, elektrik, mekanikal dan telekomunikasi, **CRC ENGnetBASE** juga kini boleh diakses melalui platform **Engineering Village (EV)**. **ENGnetBASE** dihubungkan melalui laman **e-Resources** yang boleh diakses 24 jam sehari tanpa batasan lokasi. Bagi para penggunaan rangkaian kampus, nikmati akses kepada teks penuh buku elektronik terbitan **CRC Press** melalui katalog atas talian Perpustakaan yang dikenali sebagai **WebOPAC**.

Wired Carrels di Perpustakaan UniMAP

Kini, pengguna **laptop** boleh memanfaatkan 24 unit **karel laptop** atau **wired carrels** yang dilengkapi dengan punca kuasa elektrik dan rangkaian. Kemudahan ini boleh didapati di Perpustakaan Tingkat 2.

Lagi Tambahan Komputer untuk Akses Internet

Sebanyak 12 unit komputer untuk akses Internet ditambah bagi memudahkan akses kepada sumber maklumat elektronik di Perpustakaan. Terkini, komputer yang dilengkapi dengan kemudahan cetakan rangkaian bakal ditempatkan di hadapan Kaunter Runding Maklumat.



Talian Maklumat